

**Umno Pulau Pinang Akan Saman Guan Eng
Bernama
21 September , 2011**

GEORGE TOWN, 21 Sept (Bernama) -- Umno Pulau Pinang akan memfailkan saman fitnah terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng selepas tempoh yang diberikan kepada beliau untuk memohon maaf kerana membuat tuduhan tidak berasas terhadap Umno tamat.

"Kami telah memberikan masa kepada Lim namun beliau gagal berbuat demikian malah dia berlagak dan sombong kerana enggan memohon maaf. Oleh demikian, kami tidak teragak-agak untuk membawa kes itu ke mahkamah," kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen Kolej Island Teknologi di sini Rabu.

Rabu lepas, Umno negeri menghantar notis tuntutan ke pejabat Lim di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) menuntut Ketua Menteri Pulau Pinang itu memohon maaf kerana dikatakan menuduh Umno Pulau Pinang mendalangi demonstrasi di luar pejabatnya dan di Jambatan Pulau Pinang pada 1 Julai dan percubaan membakar pejabat DAP Pulau Pinang pada 17 Ogos.

Notis berkenaan menuntut Lim supaya memohon maaf secara terbuka dalam tempoh tujuh hari atau berdepan dengan saman fitnah RM30 juta.

Zainal Abidin berkata Umno tidak akan menamakan calon bagi jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang sebaliknya akan menyerahkan kepada Gerakan dan MCA untuk membuat keputusan memilih calon yang berpotensi apabila Barisan Nasional kembali berkuasa di negeri itu.

"Umno berpegang teguh kepada semangat setia kawan dan hanya akan memberi pandangan kepada parti komponen berkenaan untuk membuat keputusan jawatan Ketua Menteri," katanya ketika mengulas kenyataan Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang Shaik Hussain Mydin yang mendesak Presiden Gerakan Tan Sri Koh Tsu Koon menamakan calon Ketua Menteri Pulau Pinang.

Zainal Abidin juga berkata kerajaan pusat bersetuju mengambil alih pengurusan di Kolej Island Teknologi bagi membolehkan institut pengajian tinggi swasta itu bersaing dengan institusi lain dalam melahirkan tenaga kerja profesional.

"Kini rundingan sedang dijalankan dengan lembaga pengarah kolej bagi membolehkan ekuiti institut pengajian tinggi swasta itu dipegang sepenuhnya oleh anak syarikat kerajaan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614927>